

SOALAN NO. 25**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YANG BERTHORMAT DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]
TARIKH : 31 JULAI 2017

SOALAN :

YB Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

(a) kesan positif dan negatif jangka masa panjang serta kajian terperinci yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memberi kelonggaran syarat kelayakan lulus Bahasa Melayu peringkat SPM bagi lantikan kontrak ke jawatan pegawai perubatan; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk menetapkan syarat kelayakan lulus Bahasa Melayu peringkat SPM lebih tinggi bagi mana-mana pelantikan ke jawatan pegawai di sektor Kerajaan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan keputusan Kerajaan pada 5 Julai 2017, kelonggaran syarat Lulus Bahasa Melayu peringkat SPM bagi pelantikan Pegawai Perubatan Siswazah Gred UD41 telah pun dibatalkan. Semua calon Pegawai Perubatan Siswazah Gred UD41 yang ditawarkan di peringkat "*housemanship*" secara kontrak dan lantikan tetap diwajibkan lulus subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Keputusan ini adalah sejajar dengan syarat peruntukan yang ditetapkan di dalam skim perkhidmatan Pegawai Perubatan UD41.

Bagi pertanyaan (b), untuk makluman YB, dari sejumlah 240 skim perkhidmatan yang terdapat di dalam perkhidmatan awam pada masa kini, kesemua skim perkhidmatan berkenaan menetapkan syarat kepujian atau lulus dalam Bahasa Melayu peringkat SPM.

Sekian, terima kasih.